

21 JUN 2003

Umno-Pilihan raya (UPDATE 1)

UMNO SIAP SEDIA HADAPI PILIHAN RAYA

Oleh Zulkefli Salleh

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Umno kini lebih kuat dan bersedia dari segi semangatnya untuk menghadapi pilihan raya umum berdasarkan pada tanda-tanda yang muncul di perhimpunan agung ke-54 parti itu di sini.

Kali ini parti-parti pembangkang terpaksa berdepan dengan Umno yang lebih bersatu-padu, lebih bertekad dan lebih yakin daripada keadaan parti semasa pilihan raya umum 1999.

Peralihan kuasa Oktober ini, yang diharap-harapkan oleh lawannya bakal melemahkan parti itu apabila berlaku perebutan kuasa, nampaknya tidak bakal berlaku.

Malahan persaraan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang diterima oleh anggota parti dengan berat hati, menjadi faktor "kekuatan".

Mereka mahu memastikan Umno menang lebih besar bagi menentukan Barisan Nasional dapat mempertahankan majoriti dua pertiga sebagai hadiah persaraan kepada Dr Mahathir daripada anggota parti, menurut beberapa anggota perwakilan.

Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Azmi Khalid berkata melihat kepada "mood" perhimpunan, anggota parti menyahut seruan Dr Mahathir dalam ucapan dasarnya supaya anggota mengukuhkan perpaduan, mengenyepikan kepentingan diri dan mengutamakan parti untuk menghadapi pilihan raya.

Dr Mahathir selain menggarisi langkah masa depan untuk Umno, turut menyenaraikan kejayaan bangsa dan negara sejak negara dipimpin oleh parti itu.

Anggota Umno kini lebih yakin parti itu lebih Islam dari parti lain yang mengaku memperjuangkan agama itu, malah boleh berbangga dengan rekod pencapaiannya membangunkan negara dan ummah sejak 46 tahun mendapatkan kemerdekaan untuk negara.

Para perwakilan telah menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti Dr Mahathir.

Ketiga-tiga naib presiden - Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib, dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, telah melafazkan sokongan terbuka terhadap Abdullah.

Mereka juga secara terbuka berikrar akan menerima keputusan beliau melantik siapa sahaja sebagai timbalan perdana menteri, dan mengikut tradisinya diperakukan sebagai timbalan presiden parti.

Dengan ini, rasa khuatir Dr Mahathir yang diluahkan menjelang perhimpunan kali ini akan berlaku perebutan jawatan timbalan presiden, tidak lagi mengancam perpaduan parti.

Masalah perpecahan parti akibat pertandingan merebut jawatan presiden dan timbalan presiden yang berlaku pada tahun 1987 tidak akan berulang.

Kecaman Dr Mahathir kepada pemimpin dan anggota parti yang mensabotaj calon parti kerana kecewa disambut baik para anggota perwakilan.

Ia membuat siapa sahaja yang cuba-cuba melemahkan perpaduan parti dilihat sebagai kambing hitam, kata mereka.

Para perwakilan juga nampaknya tersentuh malah menjadi malu alah dengan keikhlasan dan komitmen terhadap perjuangan parti yang ditunjukkan oleh Dr Mahathir.

Betapa ikhlasnya Dr Mahathir berjuang selama lebih dua dekad untuk parti dan bangsa Melayu, terhimpun beberapa minit dalam doanya pada akhir ucapan dasar pada perhimpunan itu yang telah menyentuh hati perwakilan dan anggota parti.

Antara sebak dan hiba yang tidak mungkin dilakonkan, Dr Mahathir

memanjatkan doa: "Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah, yang telah memberkati hamba-Nya yang kerdil ini. Saya berdoa kepada-Nya supaya memelihara bangsa hamba-Nya ini daripada sifat-sifat keji dan menjadikan mereka bangsa yang mulia dan berjaya, yang mematuhi segala ajaran agama suci Engkau, ajaran yang menyuruh berusaha bersungguh-sungguh memelihara dan memajukan bangsa ini untuk dijadikan contoh sebagai umat Islam yang tunduk kepada segala perintah Engkau Ya Allah." Amin.

Itulah bezanya antara seorang pemimpin Islam tulen dengan orang lain - berusaha dahulu selama lebih dua dekad untuk menaikkan imej bangsa dan ummah baru kemudian disudahi dengan doa di penghujung perjuangannya.

"Kalau Dr Mahathir boleh sayang kepada parti dan bangsa dan berjuang untuk menaikkan imej Islam, kita sebagai ahli juga harus mempunyai perasaan dan semangat yang sama," kata seorang penyokong parti.

-- BERNAMA

ZS ZS RON